KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **15 JANUARI 2025**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 8



❝Hukuman penalti rendah dan tidak ketat menyebabkan pihak terbabit cuma pandang sebelah mata dan tidak khuatir dengan hukuman yang dikenakan❞

*Nur Asyikin Aminuddin,*
*Bendahari Agung FOMCA*

# Sampel produk ke Jabatan Kimia

**Kuala Lumpur:** Sampel produk *ham and cheese sandwich* yang didapati menyalah guna logo halal sudah dihantar ke Jabatan Kimia, bagi mendapatkan laporan ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Ketua Pengarah Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Azman Adam, berkata ujian itu dibuat bertujuan untuk mengesan sama ada terdapat DNA babi dalam produk makanan berkenaan atau sebaliknya.

Beliau berkata, pengesahan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berhubung Sijil Pengesahan Halal Malaysia terhadap syarikat yang disiasat sudah dibuat untuk pembuktian kesalahan.

"Rakaman percakapan suspek (pemilik kilang) dan saksi akan dilakukan dalam tempoh terdekat.

"Setelah lengkap, kes akan dirujuk ke bahagian undang-undang untuk mendapatkan arahan (seterusnya)," katanya kepada *BH*, semalam.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 7

# Perlu tindakan tegas, hukuman maksimum

**Kuala Lumpur:** Hukuman maksimum termasuk denda RM5 juta perlu dikenakan terhadap kedai serbaneka terkenal dan pembekal sandwic yang didapati menggunakan logo halal palsu.

Ia sebagai langkah tegas untuk melindungi sensitiviti agama di negara ini serta mencegah perlanggaran serupa pada masa depan, kata Presiden Gerakan Ekonomi Malaysia (GEM), Armin Baniaz Pahamin.

Menurutnya, penyalahgunaan logo halal bukan sahaja melanggar undang-undang, malah mencabuli kepercayaan pengguna Islam.

"Selain itu, kedai serbaneka terbabit sebelum ini pernah terbabit dalam isu sensitif, termasuk penjualan stokin dengan kalimah 'Allah'.

"Tindakan tegas adalah perlu bagi memastikan logo halal terus dipercayai dan memelihara reputasi Malaysia sebagai hab produk halal global.

"Perlanggaran seperti ini mencerminkan kecuaian kedai serbaneka berkenaan dalam menghormati undang-undang dan sensitiviti agama serta hukuman maksimum, termasuk denda sehingga RM5 juta mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, mesti dilaksanakan," katanya pada kenyataan.

Menurutnya, pada September 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) memberi amaran bahawa hanya pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah boleh menggunakan logo halal dan sebarang penyalahgunaan dianggap kesalahan berat.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 5

# Logo halal: Pembekal, penjual perlu bertanggungjawab

Tindakan itu sebagai usaha tingkatkan kebertanggungjawaban syarikat terhadap produk yang dijual

**Oleh DIANA AZIS**
**SHAH ALAM**

Pihak berkuasa perlu mengenakan tindakan tegas terhadap syarikat yang menjual produk mengandungi logo halal tanpa memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Pakar kewangan Islam dan syariah, Dr Zaharuddin Abd Rahman menegaskan, tindakan sedemikian sebagai usaha mempertingkatkan kebertanggungjawaban syarikat terhadap produk yang dijual di premis mereka.

"Selain pembekal, tindakan memang patut dikenakan kepada pasar raya dan pengurusan kerana kelihatan mereka mudah lepas tangan dengan sekadar minta maaf.

"Produk ada logo halal tidak boleh disalah guna kerana pengguna beragama Islam mudah keliru selain menyentuh sensitiviti agama," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengesahkan sandwic *ham & cheese* yang dijual di kedai serbaneka di Universiti Malaya tidak mempunyai SPHM.

Malah agensi itu memaklumkan, hasil pemeriksaan di lapangan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada Jumaat lalu dan semakan mendapati syarikat yang menghasilkan produk terbabit juga bukan pemegang sijil halal.

Dalam pada itu Zaharuddin turut menyarankan supaya Jakim menambah baik capaian perakuan halal di aplikasi mahupun laman web tersedia.

"Saluran sedia ada tidak cukup membumi untuk capai kepada lebih ramai pengguna kerana logo halal membawa erti halal dari sudut syarak, kebersihan dan tata kelola serta pengurusan.

"Sepatutnya Jakim boleh memberi mandat kepada pihak swasta atau NGO (badan bukan kerajaan) yang berminat untuk bantu bangunkan aplikasi mudah alih supaya lebih mudah diakses pengguna," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Gerakan Ekonomi Malaysia (GEM), Armin Baniaz Pahamin dalam satu kenyataan turut menggesa pihak berkuasa mengenakan hukuman maksimum terhadap KK Mart dan pembekal sandwic yang terbabit dalam penyalahgunaan logo halal palsu.

Tindakan tegas itu termasuk membabitkan denda serta mempertimbangkan sekatan lesen perniagaan.

Menurutnya, tindakan tegas itu penting sebagai langkah pencegahan kepada syarikat lain supaya mematuhi undang-undang dan menjaga sensitiviti agama di negara ini.

Selain itu katanya, insiden itu juga adalah kesalahan berulang bagi KK Mart, yang disifatkan gagal menunjukkan penghormatan kepada sensitiviti agama Islam dan mesti dikenakan hukuman maksimum sebagai pengajaran.

"Kedua-dua pihak mesti bertanggungjawab sepenuhnya atas salah guna logo halal yang bukan saja melanggar undang-undang tetapi juga mencabuli kepercayaan pengguna Islam.

"Bagi mengelakkan penyalahgunaan logo halal palsu daripada terus berleluasa di Malaysia, tindakan tegas perlu diambil sebagai pengajaran kepada penjual dan pembekal," ujarnya.



ZAHARUDDIN



ARMIN




**Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.**

## REAKSI



*"Jakim perlu mempergiatkan aktiviti pemantauan, penguatkuasaan dan menjatuhkan hukuman berat kepada syarikat yang berulang kali menimbulkan masalah berkaitan status halal sesuatu produk. Tindakan tersebut wajib dilaksanakan sebagai pengajaran supaya keadaan yang sama tidak berulang. Senarai hitam sahaja syarikat ini daripada menjadi pembekal produk kepada pengguna Islam. Jika syarikat ini ada sijil halal, gantung atau batalkan sahaja sijil halal daripada syarikat berkenaan. Tindakan keras itu perlu bagi menunjukkan betapa seriusnya kita dalam menangani isu halal."*

- Pengerusi Dewan Perdagangan dan Perindustrian Islam Antarabangsa Malaysia (MIICCI), Muhamad Amin Fahmi



*"Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan segera terhadap pasar raya dan pengilang yang menjual produk sandwic 'ham and cheese' dengan mencetak logo halal tanpa memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM). Penggunaan logo tersebut tanpa kebenaran bukan sahaja melanggar undang-undang, malah mencetuskan kekeliruan dalam kalangan pengguna. Isu ini membangkitkan kebimbangan terhadap kepercayaan umat Islam dalam status halal produk yang dibeli. Pihak korporat termasuk pengilang dan pengedar perlu bertanggungjawab memastikan produk mereka mematuhi peraturan serta menghormati sensitiviti pengguna."*

- Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan (AMK), Nabil Halimi

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 13

# KPDN sekat 3,682 portal haram dari 2021 hingga November 2024

**PETALING JAYA -** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah melaksanakan sekatan akses terhadap 3,682 laman sesawang haram dari tahun 2021 hingga November 2024.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, sekatan tersebut dilakukan dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan penyedia perkhidmatan internet (IPS).

Menurutnya, laman sesawang haram itu bertindak menyebarkan kandungan cetak rompak seperti filem dan muzik popular.

"Ini sebahagian komitmen kementerian untuk melindungi karya kreatif tempatan daripada dieksploitasi secara haram.



**Armizan (tengah) ketika Sesi Libat Urus Perlindungan Harta Intelek Digital anjuran bersama Astro di Menara Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada Selasa.**

"Bagi memperkukuh lagi usaha ini, KPDN juga telah memperkenalkan Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE) yang melibatkan kerjasama antara kementerian, SKMM, IPS dan pemilik hak cipta," katanya dalam sidang akhbar selepas Sesi Libat Urus Perlindungan Harta Intelek Digital pada Selasa.

Tambah Armizan, melalui platform kerjasama itu, KPDN komited untuk menghapuskan pengedaran cetak rompak digital yang berleluasa di internet.

Jelasnya, kementerian akan terus memperkukuh kerjasama dengan pelbagai agensi terlibat dalam usaha menangani masalah tersebut.

Pada masa sama, Armizan berkata, dalam usaha melindungi hak dan kepentingan industri serta syarikat terlibat maka ia secara tidak langsung mendorong kewujudan ekosistem kondusif dalam negara.

"Ia boleh menjadi salah satu faktor menarik pelaburan asing kerana syarikat luar yang mahu melabur di negara kita.

"Mereka (pelabur) lihat sama ada perniagaan mereka (harta intelek) dapat dilindungi melalui komitmen kerangka perundangan dan strategi penguatkuasaan oleh kerajaan," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa program perlindungan harta intelek adalah penting untuk mendepani cabaran dan tuntutan semasa pada landskap digital yang mencabar.

"Perkembangan pesat landskap digital menuntut kepada keperluan strategi dan mekanisme perlindungan hak intelek yang komprehensif sejajar dengan tuntutan zaman.

"Ini meliputi ancaman pelanggaran hak cipta dan isu cetak rompak digital yang terus meningkat," jelas Armizan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 21

Taktik licik *scammer* menyebabkan mangsa tidak sedar sudah masuk perangkap mereka

# Buat tempahan katering tapi majlis tidak wujud

Oleh IZWAN ROZLIN
KUALA LUMPUR

Pengusaha katering yang mahu menerima tempahan makanan dan minuman untuk majlis dan acara tertentu perlu lebih berhati-hati bagi mengelak diperdaya sindiket penipuan pesanan kerajaan (LO).

Mendedahkan perkara itu, pemilik syarikat katering, Faizan Dasuki berkata, sindiket penipuan atau *scammer* akan menghubungi pihak katering untuk membuat tempahan.

Menurutnya, tempahan majlis makan malam dibuat tidak besar lazimnya untuk dihadiri 80 hingga 100 tetamu sahaja.

"*Scammer* ini akan berurusan menerusi WhatsApp terlebih dahulu. Bila kita bersetuju terima tempahan, mereka akan bagi butiran tempahan dengan bayaran lumayan.

"Butiran ini macam hendak lantik syarikat katering kemudian mereka minta sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan akaun bank serta dokumen lain untuk e-Perolehan.

"Kemudian LO palsu dihantar dalam bentuk PDF untuk kita cop dan tandatangan," katanya menerusi TikTok, baru-baru ini.

Jelasnya, bila syarikat katering kembalikan dokumen sudah lengkap bermakna umpan sindiket itu sudah berjaya.

Faizan berkata, kelicikan *scammer* menyebabkan mangsa langsung tidak sedar sudah memasuki perangkap mereka.

"Lazimnya dalam banyak kes, beberapa jam sebelum tempahan makanan dihantar ke lokasi, *scammer* akan menghubungi sekali lagi kononnya mahu menambah tempahan.

"Selepas itu, mereka maklumkan pula mahu membuat tempahan *door-gift* untuk diberikan kepada tetamu hadir.

"Kos *door-gift* katering kena bayar dulu kepada pembekal sebelum dihantar kepada pelanggan dan kita sebagai katering akan buat tuntutan bayaran dalam invois disertakan jumlah kos tempahan makanan dan boleh dapat untung lebih," katanya.

Ujarnya, penipuan berlaku adalah di bahagian tempahan *door-gift* di mana pembekalnya adalah anggota *scammer* itu juga.

"Harga *door-gift* untuk seorang tetamu bernilai RM50 dan biasanya jumlah bayaran dikenakan mencecah RM10,000.

"Kalau kita tamak dan terus bayar kepada pembekal (*scammer*) kerana yakin boleh tuntut lebih bayaran dengan pelanggan, kita silap.

"Bila kita hantar tempahan ke lokasi atau dewan dijanjikan, rupa-rupanya majlis itu tidak wujud dan tiada siapa menerima tempahan ini," katanya.

Jelas Faizan, ketika itulah mangsa atau pihak katering menyedari LO diterima adalah palsu dan sudah ditipu.

"Jika pengusaha katering menerima tempahan majlis makan malam, mereka perlu menyemak terlebih dahulu jika hendak dibayar menggunakan LO.

"Pastikan LO dibuat menerusi pelawaan sistem e-Perolehan," katanya.




**Faizan memberi peringatan kepada pengusaha katering supaya tidak terpedaya dengan taktik penipuan terbaharu *scammer*.**

theSun

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 2

# 'Prosecute those misusing *halal* logo'

**PUTRAJAYA:** Minister in the Pri Minister's Department (Religic Affairs) Datuk Dr Mohd Na' Mokhtar has instructed the Islar Development Department collaborate with the Domes Trade and Cost of Living Ministry take enforcement action a prosecute those misusing t *halal* logo.

He said in a statement that misuse of the *halal* label products is a serious offence.

"The Prime Minist Department (Religious Affa reminds all parties not to mis the *halal* logo on any product.

"Misusing the *halal* la constitutes an offence under Trade Descriptions Act 20 specifically the Trade Descripti (Certification and Marking of Ha Order 2011."

Mohd Na'im expressed reg over a recent incident at a 24-h retail outlet at Universiti Mala Kuala Lumpur, where "ham a cheese" products without h certification were sold.

"The Prime Minist Department (Religious Affairs) not compromise on issu involving public integrity a interest. All parties are urged consult the department and st Islamic religious authorities on h related matters."

Earlier, the Islamic Developm Department had confirmed t the "ham and cheese" product s at the university's premises did have *halal* certification.

In a separate stateme Domestic Trade and Cost of Liv Ministry Enforcement Direct General Datuk Azman Adam sai probe had been initiated again sandwich bread factory in Sunw Damansara suspected of misus the *halal* logo, Bernama reporte

The case is being investiga under Paragraph 4(1) of the Tr Descriptions Act 2011 and de with an offence under Paragr 8(a) of the Trade Descripti (Certification and Marking of H Order 2011.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 3

# 3,682 websites offering pirated content blocked



PETALING JAYA: A total of 3,682 illegal websites offering and spreading pirated content such as popular films and music have been blocked from 2021 to November 2024, according to Minister of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali (**pic**).

He said the blocking was carried out by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in collaboration with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and Internet service providers (ISPs).

"This is part of the Ministry's commitment to protecting local creative works from being exploited illegally," he told a press conference after attending an engagement session on digital intellectual property protection in Malaysia at MyIPO Tower, here, Tuesday.

Armizan said to intensify efforts in protecting creative works, KPDN has also introduced the Cyber Copyright Enforcement Programme (CyCORE), which involves collaboration with the MCMC, ISPs and copyright holders.

He stressed that the KPDN is committed to eliminating the widespread distribution of digital piracy on the internet through this programme.

"KPDN will continue to strengthen cooperation with various agencies involved in efforts to address digital piracy issues," he said, adding that collaboration from all industry stakeholders is also essential to ensure that these efforts are implemented through a whole-of-nation approach.

Regarding awareness of intellectual property registration in the context of copyright, Armizan said 69,442 voluntary copyright notifications have been filed with the Malaysian Intellectual Property Corporation (MyIPO) from 2012 to last year.

He said this includes various creative works such as literature, arts, music, films, and sound recordings.

On another development, Armizan said the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for the upcoming Chinese New Year celebrations would be announced soon.

"The most important thing in determining this SHMMP is to consider the availability of goods and to negotiate the prices with the industry players because we want a win-win situation, as it does not involve any financial implications for the government but does involve the businesses in that industry," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 2

# Cetak rompak: Lebih 3,600 laman sesawang disekat

PETALING JAYA: Sebanyak 3,682 laman sesawang haram yang menyebarkan kandungan cetak rompak seperti filem dan muzik popular telah disekat dari 2021 hingga November 2024, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata tindakan itu dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC ) dan penyedia perkhidmatan Internet (IPS).

"Ini sebahagian komitmen kementerian untuk melindungi karya kreatif tempatan daripada dieksploitasi secara haram," katanya pada sidang media selepas menghadiri sesi libat urus perlindungan harta intelek digital di Malaysia di sini, Selasa.

Armizan berkata bagi memperkukuh lagi usaha melindungi karya kreatif, KPDN juga telah memperkenalkan 'Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE)' yang melibatkan kerjasama antara Kementerian, SKMM, IPS dan pemilik hak cipta.

Beliau berkata KPDN komited untuk menghapuskan pengedaran cetak rompak digital yang berleluasa di Internet menerusi program berkenaan.

"KPDN akan terus memperkukuh kerjasama dengan pelbagai agensi yang terlibat dalam usaha menangani isu cetak rompak digital," katanya sambil menambah kerjasama pihak industri amat diperlukan bagi memastikan usaha itu dapat dilaksanakan secara whole-nation approach (pendekatan seluruh negara).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

THE LARGEST ENGLISH DAILY IN BORNEO
THE BORNEO POST

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 4

# Over 3,600 websites offering pirated content blocked since 2021 — Armizan

**PETALING JAYA:** A total of 3,682 illegal websites offering and spreading pirated content such as popular films and music have been blocked from 2021 to November 2024, said Minister of Domestic Trade and Cost of Living, Datuk Armizan Mohd Ali.

He said the blocking was carried out by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) in collaboration with the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) and internet service providers (ISPs).

"This is part of the ministry's commitment to protecting local creative works from being exploited illegally," he told a press conference after attending an engagement session on digital intellectual property protection in Malaysia at MyIPO Tower here yesterday.



Armizan delivers his closing remarks for the engagement session. – Bernama photo

Armizan said to intensify efforts in protecting creative works, KPDN has also introduced the Cyber Copyright Enforcement Programme (CyCORE), which involves collaboration with the MCMC, ISPs, and copyright holders.

He stressed that the ministry is committed to eliminating the widespread distribution of digital piracy on the internet through this programme.

"KPDN will continue to strengthen cooperation with various agencies involved in efforts to address digital piracy issues," he said, adding that collaboration from all industry stakeholders is also essential to ensure that these efforts are implemented through a whole-of-nation approach.

Regarding awareness of intellectual property registration in the context of copyright, Armizan said that 69,442 voluntary copyright notifications have been filed with the Malaysian Intellectual Property Corporation (MyIPO) from 2012 to last year.

He said this includes various creative works such as literature, arts, music, films, and sound recordings.

On another development, Armizan said the Festive Season Maximum Price Scheme (SHMMP) for the upcoming Chinese New Year celebration will be announced soon.

"The most important thing in determining this SHMMP is to consider the availability of goods and to negotiate the prices with the industry players because we want a win-win situation, as it does not involve any financial implications for the government but does involve the businesses in that industry," he said. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

星洲日報
SIN CHEW DAILY

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 7



阿米占（中）出席数字知识产权保护交流会后，与出席者大合照。（马新社图）

# 內貿部長：近4年
# 3682盜版影音網被封鎖

（八打灵再也14日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占说，从2021年至去年11月期间，多达3682个散播盗版内容如电影和流行音乐的非法网站已被封锁。

他指出，内贸部和通讯及多媒体委员会，以及互联网服务提供商合作采取上述行动。

"这是本部门致力保护本地创作免遭非法滥用的一部分承诺。"

他今天出席数字知识产权保护交流会后，召开记者会时这么说。

## 推出网络版权执法计划

阿米占说，内贸部也已推出网络版权执法计划（CYCORE），进一步提升对创作作品的保护，当中涉及部门、通讯委会、互联网服务提供商及版权拥有者的合作。

他指出，内贸部致力于通过该计划，消除在互联网日益猖獗的数字盗版传播。

"内贸部将继续加强与涉及解决数字盗版问题的各机构合作，亟需业界的配合以确保该举措能以'全国方案'的形式落实。"

## 近7万版权自愿通知申请

针对在版权背景之下的知识产权注册意识层面，阿米占说，从2012年至去年期间，马来西亚知识产权局（MyIPO）一共接获6万9442份版权自愿通知申请，涉及各类创作作品，例如文学、艺术、音乐、电影和录音。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

光華日報

HARI: RABU

TARIKH: 15/1/2025

M/SURAT: 5

## 阿米占：将与业者会晤

# 商讨农历年价格统制

（吉隆坡14日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占披露，该部将联同农业及粮食安全部与相关业者进行会晤，以商讨农历新年佳节价格统制计划，以达致双赢的局面。

"我们要制定佳节统制品，最主要的因素是商品供应的情况，接着是与相关业者共同商讨物品的价格，以达到双赢的局面。"

阿米尔占是今日（14日）在出席马来西亚数码知识产权保护交流会后受媒体询及时，如是指出。

无论如何，他要求媒体耐心等候，该部将会举办特别的活动，宣布相关事宜。

较早时，针对知识产权保护事宜，阿米占指它也涉及客户及设备安全的问题，因为非法侵犯知识产权也包括有非法赌博、洗黑钱等非法运动。

"保障公司的权益，也将创造亲商的环境，有助于我国吸引更多的投资。"

此外，他也披露，从2021年至2024年11月份，该部与通讯及多媒体委员会及互联网服务提供商合作，限制访问3682个网站。

阿米占强调，知识产权保护必须涉及各造的努力，以全国之力共同保护之。#



阿米占（中）：农历新年佳节统制品将在近期宣布。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

中國報 CHINA PRESS
HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 9



■阿米占（前排中）出席数码知识产权保护交流会。

# 散播盜版電影音樂
# 封鎖3682非法網站

（八打灵再也14日讯）国内贸易及生活成本部长拿督阿米占说，从2021年至去年11月期间，多达3682个散播盗版内容如电影和流行音乐的非法网站已被封锁。

他指出，内贸部和通讯及多媒体委员会，以及互联网服务提供商合作采取上述行动。

“这是本部门致力保护本地创作免遭非法滥用的一部分承诺。”

他今天出席数码知识产权保护交流会后，召开记者会时这么说。

阿米占说，内贸部也已推出网络版权执法计划（CYCORE），进一步提升对创作作品的保护，当中涉及部门、通讯委会、互联网服务提供商及版权拥有者的合作。

他指出，内贸部致力于通过该计划，消除在互联网日益猖獗的数码盗版传播。

“内贸部将继续加强与涉及解决数码盗版问题的各机构合作，极需业界的配合以确保该举措能以‘全国方案’的形式落实。”

针对在版权背景之下的知识产权注册意识层面，阿米占说，从2012年至去年期间，马来西亚知识产权局（MyIPO）一共结果6万9442份版权自愿通知申请，涉及各类创作作品，例如文学、艺术、音乐、电影和录音。

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 4

# Kaji benarkan jual beras campuran

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID dan ASLINDA NASIR
utusannews@mediamulia.com.my




**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang membuat kajian terperinci untuk membenarkan penjualan beras campuran di pasaran tempatan.

Sehingga hari ini tiada larangan yang jelas tentang pencampuran beras di dalam Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, cadangan tersebut turut disokong oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah penyelesaian kepada masalah bekalan beras yang berlaku ketika ini.

Katanya, pihaknya akan mengadakan satu libat urus bagi membincangkan perkara tersebut dan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

"Sekarang kita sedang buat kajian secara terperinci sama ada mahu membenarkan atau tidak jual beras campuran ini, sebab kalau tidak mahu campur, kita kena pastikan bekalan beras tempatan itu cukup.

"Masalah sekarang ini, banyak aduan dari pengilang termasuk pengilang bumiputera yang mereka tidak boleh jual beras dengan harga RM26 untuk kampit 10 kilogram sebab itu adalah harga pada 2008.

"Hasil kajian ini akan kita bentang dalam masa terdekat iaitu suku pertama tahun ini kepada Perdana Menteri supaya kita boleh buat perubahan struktur harga beras," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Mohamad berkata, setiap keputusan yang dibuat akan meletakkan pesawah sebagai keutamaan supaya golongan itu tidak menanggung kerugian dan dalam masa yang sama turut memikirkan alternatif kepada masyarakat supaya tidak terbeban dengan harga beras yang terlalu tinggi.

Katanya, kementerian juga akan berbincang mengenai ketetapan harga lantai yang perlu dipatuhi pengilang-pengilang supaya tiada mana-mana pihak yang berasa 'tertindas' kerana tidak mampu membeli padi pada harga yang tinggi seperti yang dibuat pengilang tertentu.

"Bisnes ini biasalah mereka akan berlumba-lumba untuk membeli padi. Kita di peringkat kerajaan memang tidak pernah mengawal berapa harga maksimum yang mereka beli, tetapi kita akan mengawal harga minimum dan mereka tidak boleh beli di bawah harga lantai RM1,300. Kalau maksimum itu perlumbaan antara pengilang-pengilang," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Malaysia
PEMIKIRAN BAHARU

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 30



# MyIPO buka pejabat di Alor Setar

PERBADANAN Harta Intelek Malaysia (MyIPO) membuka pejabat satelitnya bagi memperluas perkhidmatan kepada masyarakat dan usahawan di wilayah utara terletak di Bangunan Kompleks Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), Jalan Kolam Air, Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

Perasmian pejabat itu dilakukan oleh Pengerusi MyIPO, Dr. Mohd Zuhan Mohd Zain. Sebelum ini, MyIPO membuka pejabat satelitnya di Kuala Terengganu pada November dan di Ipoh, Perak bulan Disember tahun 2024.

Pembukaan pejabat di Alor Setar, Kedah menandakan komitmen berterusan MyIPO dalam memudahkan akses perkhidmatan kepada masyarakat, utama usahawan, inovator, dan individu di negeri Kedah untuk sama-sama memajukan industri kreatif dan inovatif melalui perlindungan harta intelek di seluruh negara.

Dalam tempoh lima tahun terakhir, MyIPO telah menerima sebanyak 2,975 permohonan harta intelek daripada negeri Kedah dan data tersebut menunjukkan peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat dan usahawan tempatan mengenai kepentingan perlindungan harta intelek.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) MyIPO Sheikh Ariffin Sheikh Mohd Noor.

■ SEBAHAGIAN tetamu yang hadir bergambar bersama Mohd Zuhan Mohd Zain (tengah) selepas majlis perasmian pejabat satelit MyIPO di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

光明日報
Guang Ming DAILY

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 5

# 內貿部：散播盜版內容
# 3600網站遭封鎖

（八打灵再也14日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占披露，从2021年至去年11月期间，多达3682个散播盗版内容，如电影和流行音乐的非法网站遭封锁。

他在出席数码知识产权保护交流会后召开记者会说，内贸部和通讯及多媒体委员会，及互联网服务提供商合作采取行动。这是该部门致力保护本地创作免遭非法滥用的一部分承诺。

他说，内贸部已推出网络版权执法计划（CYCORE），进一步提升保护创作作品的，当中涉及部门、通讯委会、互联网服务提供商及版权拥有者的合作。

他指出，内贸部致力于通过该计划，消除在互联网日益猖獗的数码盗版传播。

阿米占声称，内贸部将继续加强与涉及解决数码盗版问题的各机构合作，极需业界的配合以确保该举措能以“全国方案”的形式落实。

针对在版权背景之下的知识产权注册意识层面，部长则说，从2012年至去年期间，马来西亚知识产权局（MyIPO）一共接获6万9442份版权自愿通知申请，涉及各类创作作品，例如文学、艺术、音乐、电影和录音。（TKM）

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 1




The Federation of Malaysian Consumer Associations said the impending fare hike would add to the burden of families already grappling with financial strain. – SYED AZAHAR SYED OSMAN/THESUN

# Action needed on school bus fare hike

Govt urged to intervene with subsidies, tax relief or grants to offset costs, although issue deemed outside jurisdiction of Transport Ministry.

Report on page 3

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Call to address rising school bus fares

## Fomca CEO urges govt to intervene with subsidies, fare caps and monitoring mechanism

BY QIRANA NABILLA MOHD RASHIDI
*newsdesk@thesundaily.com*

**PETALING JAYA:** The Federation of Malaysian Consumer Associations (Fomca) has urged the government to take immediate action to address the increase in school bus fares expected next month.

Its CEO Saravanan Thambirajah called on relevant authorities to take decisive steps, including introducing subsidies for school bus services to ease the burden on B40 families and implementing a cap on fare hikes.

On Jan 8, Gabungan Persatuan Bas Sekolah Malaysia president Mohd Rofik Mohd Yusof announced that school bus fares are expected to increase by RM5 to RM10 per student for the upcoming 2025/2026 academic session in February.

Saravanan said the rates were determined through mutual agreements between parents and operators, without government involvement.

He also proposed tax relief or grants for bus operators to offset operational costs, ensuring fair and affordable transport for students nationwide.

"We understand the challenges faced by school bus operators, including increased operating costs such as fuel, maintenance and wages.

"However, fare hikes should be fair and transparent, striking a balance between the needs of operators and the financial capacity of parents. While the rise in costs is understandable, the timing and impact of the hike on families, especially during periods of economic uncertainty, should be evaluated," he said.

"Many families are already grappling with financial strain and this hike will add to their burden."

On Friday, Transport Minister Anthony Loke said the ministry has no authority to prevent the increase in school bus fares as the matter does not fall under its jurisdiction.

Saravanan said Fomca views the ministry's lack of control over school bus fares as a significant governance gap that must be addressed.

"While school bus service providers operate privately, transport to school is a critical component of ensuring access to education, particularly for (underprivileged) families. It cannot be left entirely to market forces.

"The ministry also cannot fully distance itself from an issue that directly impacts education and family welfare," he said.

Saravanan urged the ministry to acknowledge its indirect responsibility for ensuring equitable access to school transport as part of its broader mandate to promote affordable and sustainable public transport.

He said failure to address the issue would exacerbate the country's significant educational challenges, such as the 10,000 students who dropped out of the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) exams this year.

"Although the ministry may not directly control fares, it has the tools and authority to facilitate solutions that benefit all stakeholders, especially (underprivileged) families.

"The ministry should view this as part of its commitment to Sustainable Development Goals – SDG 4 (Quality Education) and SDG 10 (Reduced Inequalities) – and work towards long-term systemic solutions," he added.

Saravanan also advocated greater transparency in determining school bus fares.

"Operators should clearly communicate cost breakdowns and reasons for increases to parents to avoid misunderstandings or disputes," he said.

He called for a monitoring mechanism to ensure fare hikes are justified, noting that the rising cost of school transport disproportionately affects students from lower-income households and could worsen dropout rates.

"Parents should request clear, itemised justifications for fare increases from bus operators and compare rates among available options. If parents feel the hike is excessive, they can report the matter to relevant authorities such as the Land Public Transport Agency," he said.

Saravanan added that existing guidelines under the agency require school bus operators to register and adhere to fair practices.

However, he said enforcement of these regulations must be strengthened to prevent exploitation during fare negotiations and to ensure compliance.

ASIA TIMES EST 1995

HARI: RABU

TARIKH: 15/1/2025

M/SURAT: 9

# Sandakan Marine Police foils cooking oil and petrol smuggling attempt



*The suspect (left), with the confiscated goods at the Sandakan Marine Police base.*

SANDAKAN: A local man was nabbed on suspicion of attempting to smuggle out 146 boxes containing cooking oil and 300 litres of petrol to a neighbouring country.

State Marine Police commander ACP Mohd Nazri Ibrahim said a three-tonne lorry and a four-wheel-drive vehicle were also seized under Ops Taring Landai Khas Kontraban at 9.00 pm on Jan 12.

The Sandakan Marine Police Intelligence Unit checked the vehicles parked along Kampung Pukat, Jalan Bokara, based on information received, Nazri said in the statement yesterday.

Mohd Nazri added that the total seizure of 2,482 packets of one kilogramme cooking oil, 10 petrol-filled plastic containers and two vehicles were estimated to be RM146,717.

The suspect, aged 36, and the seized goods were brought to Sandakan marine police base for further action under the Control of Supplies Act 1961, he said.

Mohd Nazri said the case would be handed over to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) Sandakan branch. – ***James Leong***

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 15

# PPM patahkan cubaan seludup 1,300 liter minyak petrol

TAWAU: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya merampas 1,300 liter minyak petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran di perairan Jeti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Lama, di sini, pada Ahad.

Semua rampasan itu dilakukan oleh anggota bot ronda PPM Tawau menerusi OP Taring Gelora di perairan berkenaan, kira-kira jam 9.15 pagi.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Mohd Nazri Ibrahim berkata, sebelum itu pihaknya mengesan sebuah bot laju dalam keadaan mencurigakan bergerak dari CIQ Lama menuju Pulau Sebatik.

Katanya, bot ronda PPM cuba memintas untuk membuat pemeriksaan namun gagal apabila juragan bot laju terbabit menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Bot laju berkenaan bertindak berpatah balik dan merapat semula ke Jeti CIQ Lama, sebelum berjaya melarikan diri naik ke daratan di kawasan pasar Tawau.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot yang ditinggalkan suspek, berjaya menemukan 45 tong jerikin berisi minyak petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Menurutnya, rampasan minyak petrol berserta bot laju dan enjin yang dianggarkan keseluruhannya bernilai RM82,767 dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk siasatan lanjut.

"Semua rampasan itu kemudian diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.-UB Online



RAMPAS .... Semua barang rampasan dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk siasatan lanjut.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 15/1/2025

M/SURAT: 1



**RAMPAS:** Semua barang rampasan dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk siasatan lanjut.

# Cubaan seludup 1,300 liter minyak petrol gagal

*Oleh Hamzah Sanudin*

TAWAU: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya merampas 1,300 liter minyak petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran di perairan Jeti Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Lama, di sini, pada Ahad.

Semua rampasan itu dilakukan oleh anggota bot ronda PPM Tawau menerusi OP Taring Gelora di perairan berkenaan, kira-kira jam 9.15 pagi.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Mohd Nazri Ibrahim berkata, sebelum itu pihaknya mengesan sebuah bot laju dalam keadaan mencurigakan bergerak dari CIQ Lama menuju Pulau Sebatik.

Katanya, bot ronda PPM cuba memintas untuk membuat pemeriksaan namun gagal apabila juragan bot laju terbabit menyedari kehadiran pihak berkuasa.

"Bot laju berkenaan bertindak berpatah balik dan merapat semula ke Jeti CIQ Lama, sebelum berjaya melarikan diri naik ke daratan di kawasan pasar Tawau.

"Hasil pemeriksaan ke atas bot yang ditinggalkan suspek, berjaya menemukan 45 tong jerikin berisi minyak petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Menurutnya, rampasan minyak petrol berserta bot laju dan enjin yang dianggarkan keseluruhannya bernilai RM82,767 dibawa ke Pangkalan PPM Tawau untuk siasatan lanjut.

"Semua rampasan itu kemudian diserahkan kepada Pegawai Penyiasat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 15/1/2025

M/SURAT: 2




**RAMPASAN:** Semua barang rampasan dibawa ke Markas Operasi PPM Sandakan untuk tindakan lanjut.

# Lebih 3,600 laman sesawang sebar cetak rompak disekat

**PETALING JAYA:** Sebanyak 3,682 laman sesawang haram yang menyebarkan kandungan cetak rompak seperti filem dan muzik popular telah disekat dari 2021 hingga November 2024, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali.

Beliau berkata tindakan itu dilaksanakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC ) dan penyedia perkhidmatan Internet (IPS).

"Ini sebahagian komitmen kementerian untuk melindungi karya kreatif tempatan daripada dieksploitasi secara haram," katanya pada sidang media selepas menghadiri sesi libat urus perlindungan harta intelek digital di Malaysia di sini semalam.

Armizan berkata bagi memperkukuh lagi usaha melindungi karya kreatif, KPDN juga telah memperkenalkan 'Program Cyber Copyright Enforcement (CyCORE)' yang melibatkan kerjasama antara Kementerian, SKMM, IPS dan pemilik hak cipta.

Beliau berkata KPDN komited untuk menghapuskan pengedaran cetak rompak digital yang berleluasa di Internet menerusi program berkenaan.

"KPDN akan terus memperkukuh kerjasama dengan pelbagai agensi yang terlibat dalam usaha menangani isu cetak rompak digital," katanya sambil menambah kerjasama pihak industri amat diperlukan bagi memastikan usaha itu dapat dilaksanakan secara whole-nation approach (pendekatan seluruh negara).

Mengenai aspek kesedaran pendaftaran harta intelek dalam konteks hak cipta, Armizan berkata sebanyak 69,442 permohonan Pemberitahuan Secara Sukarela Hak Cipta difailkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dari 2012 hingga tahun lepas.

Beliau berkata ini termasuk pelbagai karya kreatif seperti sastera, seni, muzik, filem dan rakaman bunyi.

Berhubung Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena perayaan Tahun Baharu Cina, beliau berkata perkara itu akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Paling penting untuk kita menentukan SHMMP ini, kita melihat keberadaan barangan dan harga itu perlu dirunding bersama pemain industri kerana kita inginkan situasi menang-menang sebab ia tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kerajaan namun melibatkan perniagaan industri berkenaan," katanya. — Bernama

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online
HARI: RABU
TARIKH: 15/1/2025
M/SURAT: 2

# Lelaki seludup keluar barang kawalan ditahan

## 146 kotak mengandungi 2,482 peket minyak masak bersubsidi dan 300 liter minyak petrol dirampas

Oleh Hamzah Sanudin

**SANDAKAN: Seorang lelaki ditahan selepas disyaki cuba menyeludup minyak masak dan minyak petrol, di Kampung Pukat Jalan Bokara, di sini kelmarin.**

Tangkapan itu dilakukan oleh sepasukan Unit Risikan Marin Sandakan Pasukan Polis Marin (PPM) menerusi Op Taring Landai Khas Kontraban, kira-kira jam 9 malam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah, Asisten Komisioner Mohd Nazri Ibrahim berkata sebelum itu pihaknya menahan sebuah lori dan pacuan empat roda diletakkan di tepi kampung berkenaan.

Katanya, hasil pemeriksaan ke atas kenderaan berkenaan mendapati terdapat seorang lelaki tempatan berusia 36 tahun.

"Pemeriksaan lanjut berjaya menemukan sebanyak 146 kotak yang mengandungi 2,482 peket minyak masak bersubsidi dan 300 liter minyak petrol.

"Kita percaya semua barang rampasan berkenaan cuba diseludup keluar ke negara jiran melalui jalan laut," katanya dalam kenyataan media, di sini semalam.

Menurutnya, suspek bersama semua barang kawalan dan kenderaan yang dianggarkan bernilai RM146,717 itu dibawa ke Markas Operasi PPM Sandakan untuk tindakan lanjut.

"Tangkapan dan rampasan itu kemudian diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk siasatan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 15 JANUARI 2025 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 15-Jan | Lebih 3,600 laman sesawang sebar cetak rompak disekat - Armizan | https://www.sinarharian.com.my/article/707089/berita/nasional/lebih-3600-laman-sesawang-sebar-cetak-rompak-disekat---armizan | SINAR HARIAN |
| 15-Jan | Penguatkuasaan perlindungan harta intelek tarik pelabur asing – Armizan | https://www.tvsarawak.my/2025/01/14/penguatkuasaan-perlindungan-harta-intelek-tarik-pelabur-asing-armizan/ | TV SARAWAK |
| 15-Jan | 69,442 permohonan Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta difailkan di MyIPO | https://www.tvsarawak.my/2025/01/14/69442-permohonan-pemberitahuan-sukarela-hak-cipta-difailkan-di-myipo/ | TV SARAWAK |
| 15-Jan | Lebih 3,600 laman sesawang sebar cetak rompak disekat - Armizan | https://thesun.my/cerita/berita/lebih-3600-laman-sesawang-sebar-cetak-rompak-disekat-armizan-GF13520475 | THE SUN |
| 15-Jan | Lebih 3,600 laman sesawang sebar cetak rompak disekat | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/14/lebih-3600-laman-sesawang-sebar-cetak-rompak-disekat | UTUSAN BORNEO |
| 15-Jan | Lebih 3,000 laman web kandungan cetak rompak disekat | https://malaysiagazette.com/2025/01/14/lebih-3000-laman-web-kandungan-cetak-rompak- | MALAYSIA GAZETTE |
| 15-Jan | Lebih 3,600 laman sesawang sebar cetak rompak disekat - Armizan | https://bernama.com/bm/news.php?id=2382408 | BERNAMA |
| 15-Jan | Skim harga maksimum sempena Tahun Baharu Cina bakal diumum dalam masa terdekat | https://malaysiagazette.com/2025/01/14/skim-harga-maksimum-sempena-tahun-baharu-cina-bakal-diumum-dalam-masa- | MALAYSIA GAZETTE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15-Jan | Cubaan seludup 1,300 liter minyak petrol gagal | https://www.utusanborneo.com.my/2025/01/14/cubaan-seludup-1300-liter-minyak-petrol-gagal | UTUSAN BORNEO |
| 15-Jan | Man nabbed for attempting to smuggle out cooking oil, petrol in Sandakan | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/14/man-nabbed-for-attempting-to-smuggle-out-cooking-oil-petrol-in-sandakan | THE STAR |
| 15-Jan | 'Beli lain, dapat lain' antara aduan paling tinggi - KPDN | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/beli-lain-dapat-lain-antara-aduan-paling-tinggi-kpdn | BERITA RTM |
| 15-Jan | Kenakan denda RM5J terhadap kedai jual sandwic logo halal palsu | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176491/kenakan-denda-rm5j-terhadap-kedai-jual-sandwic-logo-halal-palsu | HARIAN METRO |
| 15-Jan | Guna logo halal tanpa kebenaran, AMK gesa polis ambil tindakan | https://malaysiagazette.com/2025/01/14/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-amk-gesa-polis-ambil- | MALAYSIA GAZETTE |
| 15-Jan | Guna logo halal tanpa kebenaran, AMK gesa tindakan tegas | https://www.sinarharian.com.my/article/707063/berita/semasa/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-amk-gesa- | SINAR HARIAN |
| 15-Jan | 'Ham and cheese' sandwich issue: Jakim, ministry to act on misuse of halal logo, says Na'im | https://dailyexpress.com.my/news/250084/jakim-ministry-to-act-on-misuse-of-halal-logo-religious-affairs-minister-says-amid-furore-over-ham-and-cheese-sandwich | DAILY EXPRESS |
| 15-Jan | Status halal sandwic: MIICCI gesa Jakim gantung, batal sijil halal syarikat pembekal | https://www.sinarharian.com.my/article/707047/berita/nasional/status-halal-sandwic-miicci-gesa-jakim-gantung-batal-sijil-halal- | SINAR HARIAN |
| 15-Jan | KK Mart gantung syarikat pembekal sandwic | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kk-mart-gantung-syarikat-pembekal-sandwic/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15-Jan | Kedai serbaneka jual sandwich ham sengaja cari pasal – Fahmi Zainol | https://malaysiagazette.com/2025/01/14/kedai-serbaneka-jual-sandwich-ham-sengaja-cari-pasal-fahmi-zainol/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 15-Jan | KPDN perkukuh usaha lindungi hak cipta, harta intelek | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-perkukuh-usaha-lindungi-hak-cipta-harta-intelek | BERITA RTM |
| 15-Jan | JAKIM diarah kerjasama KPDN ambil tindakan syarikat salah guna logo halal | https://www.suarakeadilan.my/post/jakim-diarah-kerjasama-kpdn-ambil-tindakan-syarikat-salah-guna-logo-halal | SUARA KEADILAN |
| 15-Jan | JAKIM & KPDN, bekerjasama ambil tindakan pihak salah guna logo halal | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jakim-kpdn-bekerjasama-ambil-tindakan-pihak-salah-guna-logo-halal | BERITA RTM |
| 15-Jan | Isu KK Mart: Ambil tindakan tegas, jaga kepentingan umat Islam – Ummah | https://malaysiagazette.com/2025/01/14/isu-kk-mart-ambil-tindakan-tegas-jaga-kepentingan-umat-islam-ummah/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 15-Jan | Sampel 'sandwich ham dan cheese' dihantar ke Jabatan Kimia untuk ujian DNA babi | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349145/sampel-sandwich-ham-dan-cheese-dihantar-ke-jabatan-kimia-untuk-ujian | BERITA HARIAN |
| 15-Jan | SPRM tahan 12 individu dalam Ops Sky | https://malaysiagazette.com/2025/01/14/sprm-tahan-12-individu-dalam-ops-sky/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 15-Jan | Ops Sky: 12 ditahan kes rasuah dan ubah wang haram, 70 akaun lebih RM16.2 juta dibeku | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349214/ops-sky-12-ditahan-kes-rasuah-dan-ubah-wang-haram-70-akaun-lebih-rm162 | BERITA HARIAN |
| 15-Jan | 3 operators nabbed for hoarding nearly 300kg of sugar, flour, oil | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1160235/3-operators-nabbed-hoarding-nearly-300kg-sugar-flour-oil | NEW STRAITS TIMES |
| 15-Jan | Kaji benarkan jual beras campuran | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/kaji-benarkan-jual-beras-campuran/ | UTUSAN MALAYSIA |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 15-Jan | Lebih 3,600 laman sesawang sebar cetak rompak disekat -Armizan | https://astroawani.com/berita-malaysia/lebih-3-600-laman-sesawang-sebar-cetak-rompak-disekat-armizan-504527 | ASTRO AWANI |
| 15-Jan | Lindungi karya tempatan, KPDN sekat 3682 lawan web cetak rompak | https://suarakeadilan.my/post/lindungi-karya-tempatan-kpdn-sekat-3-682-lawan-web-cetak-rompak | SUARA KEADILAN |
| 15-Jan | Over 3,600 websites offering pirated content blocked since 2021, says Armizan | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/14/over-3600-websites-offering-pirated-content-blocked- | THE STAR |
| 15-Jan | Lebih 3,000 laman web kandungan cetak rompak disekat | https://mgperak.com/lebih-3000-laman-web-kandungan-cetak-rompak-disekat | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 15-Jan | Skim harga maksimum sempena Tahun Baharu Cina bakal diumum dalam masa terdekat | https://astroawani.com/berita-malaysia/skim-harga-maksimum-sempena-tahun-baharu-cina-diumum-dalam-masa-terdekat-504583 | ASTRO AWANI |
| 15-Jan | SHMMP Tahun Baharu Cina diumum dalam masa terdekat - Armizan | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/shmmp-tahun-baharu-cina-diumum-dalam-masa-terdekat-armizan | BERITA RTM |
| 15-Jan | PPM gagalkan cubaan seludup minyak masak, petrol | https://beritasabah.com/ppm-gagalkan-cubaan-seludup-minyak-masak-petrol/ | BERITA SABAH |
| 15-Jan | Cubaan seludup 1,300 liter minyak petrol gagal | https://beritasabah.com/cubaan-seludup-1300-liter-minyak-petrol-gagal/ | BERITA SABAH |
| 15-Jan | PPM Sabah rampas 1,300 liter minyak petrol yang cuba diseludup | https://sabahkini2.org/en/news/6760/ppm-sabah-rampas-1300-liter-minyak-petrol-yang-cuba-diseludup/view | SABAH KINI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT